

100,000 kekosongan jawatan sektor awam

» 70 peratus tempat perlu diisi bagi kumpulan sokongan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan kira-kira 100,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam untuk diisi dalam tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam, berkata kekosongan jawatan itu membabitkan pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

"Kebanyakan kekosongan adalah pada peringkat kumpulan sokongan memandangkan lebih 70 peratus jawatan dalam perkhidmatan awam ketika ini diisi kumpulan itu," katanya di sini, semalam.

Mahmood berkata, SPA akan sentiasa memastikan calon yang dilantik dalam perkhidmatan awam bukan saja memiliki kelulusan, kelayakan dan kebolehan, malah mempunyai kualiti teras antaranya cepat dan tepat, serta produktif, kreatif dan inovatif.

60,059 kakitangan baru

Katanya, sepanjang tahun lalu, SPA melantik 60,059 orang untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan dan daripada jumlah itu, 38,659 adalah pekerja tetap manakala baki 21,400 lagi ka-

FAKTA NOMBOR

262,911
orang

calon sudah dipanggil untuk ditemu duga pada 2013

kitangan awam yang dilantik secara kontrak.

"SPA menerima lebih dua juta permohonan bagi mengisi pelbagai kekosongan jawatan dan sudah memanggil 262,911 calon untuk ditemu duga sepanjang tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, permohonan bagi mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam daripada kaum Cina dan India dilaporkan turut meningkat dengan mendadak dan ia jelas membuktikan kerja keras SPA menarik minat kaum bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam menampakkan tanda positif.

Pemohon Cina meningkat

Katanya, pada 2012 hanya 19,702 pemohon daripada kaum Cina membuat pendaftaran dengan SPA dan jumlah itu meningkat pada tahun lalu kepada 44,633 orang.

"Bagi kaum India pula, seramai 35,717 pemohon mendaftar di SPA pada 2012 dan jumlahnya meningkat kepada 75,361 orang tahun lalu," katanya.



Mahmood Adam

Mengulas misi SPA dalam memperbaiki perkhidmatannya pada tahun ini, Mahmood berkata, misi SPA tahun ini adalah untuk membantu pencari kerja faham serta tahu apa yang diinginkan sebelum diambil bekerja di dalam sektor awam.

"Kita nak mereka tahu, kenapa mereka tidak dapat bekerja, apa kelemahan yang mereka ada.

"Sekurang kurangnya mereka boleh menerima sebab dan alasan kenapa mereka tidak diambil bekerja.

"Bagi memastikan pemohon benar-benar bersedia untuk menyertai perkhidmatan awam, SPA akan menganjurkan seminar yang memberi pendedahan awal kepada masyarakat mengenai persediaan yang perlu dilakukan," katanya.